

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88
HKN 305 - Fiksyen Melayu Moden

Tarikh: 7 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan peranan watak Tikus Rahmat di dalam novel Tikus Rahmat dan watak Ratu Adil di dalam cerpen 'Menunggu Ratu Adil' dilihat dari perspektif penyampaian amanat pengarang.
2. Cerpen-cerpen 'Ngayau', 'Nasinya Tumpah' dan 'Cerita Seorang Seniman' di dalam antologi Cerita Seorang Seniman memperlihatkan latar penceritaan yang berlainan. Bincangkan.
3. Bandingkan penggunaan sudut pandangan yang digunakan oleh pengarang di dalam novel-novel Iakah Salmah? dan Sungai Mengalir Lesu.
4. Buat satu analisis secara perbandingan mengenai perkembangan plot bagi tiga buah novel pilihan yang telah anda kaji.

BAHAGIAN B

5. Bincangkan permasalahan moral yang dipersoalkan oleh A. Samad Said di dalam novel Sungai Mengalir Lesu.
6. Berdasarkan kajian anda tentang novel Iakah Salmah? dan Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan, bincangkan persoalan-persoalan yang terdapat di dalam novel-novel tersebut.

.../2

7. Bandingkan pokok pemikiran yang terdapat di dalam novel-novel Ranjau Sepanjang Jalan dan Al-Syiqag I.
8. Bandingkan pergolakan masyarakat yang terdapat di dalam novel Tikus Rahmat dengan novel Krisis dalam konteks perkembangan politik tanahair.

-ooo000ooo-